

**KAJIAN KEPERLUAN DAN KEBERKESANAN BEESY KELULUT  
WEBSITE**

**DI SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRISE**

AMIR BIN ROHIMI  
(10DPM19F2069)

SITI MAISARA BT JANI  
(10DPM19F2009)

NOOR ATHIRAH BT MOHD KHAIRI  
(10DPM19F2011)

RAJESHWARY A/P YUGAYSUARAN  
(10DPM19F2029)

**Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai  
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan**

**Diploma Pengajian Perniagaan**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**SESI 1 2021/2022**

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK  
KAJIAN KEPERLUAN DAN KEBERKESANAN  
BEESY KELULUT WEBSITE**

- 1) Nama ahli kumpulan kami ialah **Amir Bin Rohimi (10DPM19F2069), Siti Maisara Binti Jani (10DPM19F2009), Noor Athirah Binti Mohd Khairi (10DPM19F2011) dan Rajeshwary A/P Yugaysuaran (10DPM19F2029)** adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.
- 2) Kami mengakui bahawa projek Keperluan dan Keberkesanan Beesy Kelulut Website dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah adalah hasil karya dan reka cipta asli daripada kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak yang lain.
- 3) Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek Keperluan dan Keberkesanan Beesy Kelulut Website kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penanugerahan Diploma Pengajian Perniagaan kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut ;

**Nama** : AMIR BIN ROHIMI  
**No.Kad Pengenalan** : 980615-02-5543

**Nama** : SITI MAISARA BT JANI  
**No. Kad Pengenalan** : 010219-10-0380

**Nama** : NOOR ATHIRAH BT MOHD KHAIRI  
**No. Kad Pengenalan** : 010716-07-0266

**Nama** : RAJESHWARY A/P YUGAYSUARAN  
**No.Kad Pengenalan** :010727-07-0800

Di hadapan saya, DR NOR HATIZAL BINTI AMARUL SHAH sebagai Penyelia Projek pada tarikh 8 Oktober 2021.

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, bersyukur ke hadrat lahi kerana dengan izin kurnia beliau dapat juga kami menyempurnakan tugas sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang kami perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup kami. Di samping itu, kami juga telah memperoleh pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan tugas ini iaitu DPB 50163 BUSINESS PROJECT. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjalankan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu, Dr Nor Hatizal Bt Amarul Shah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan tugas ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami dalam usaha melaksanakan tugas yang telah diamanahkan ini. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Md.Zuhaimi Bin Samat@Halim yang telah banyak memberi kerjasama untuk kami menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan kejayaannya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam melaksanakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Tajuk kajian kami ialah Beesy Kelulut Website. Hal ini kerana perusahaan Sungai Impian Indah Enterprise telah kekurangan pembelian kerana Malaysia mengalami pandemik Covid-19 pada tahun 2020 sehingga kini. Objektif yang ingin dicapai ialah mengenalpasti penternak madu kelulut dapat merekod hasil jualan melalui beesy kelulut website, mengenalpasti penternak kelulut dapat merekod jumlah stok melalui beesy kelulut website dan mengenalpasti penternak kelulut dapat mengetahui maklumbalas pelanggan melalui beesy kelulut website. Ketiga- tiga objektif ditetapkan adalah bertujuan untuk mengkaji produk yang kami hasilkan dapat membantu pemilik kelulut. Projek kami ini dijalankan di Gerai 2 Hutan Pelajaran, Air Hitam Dalam, 13300 Tasek Gelugur , Pulau Pinang. Tambahan lagi, kaedah yang digunakan untuk menyiapkan projek ini ialah melalui menyoal selidik kepada pemilik Sungai Impian Indah Enterprise. Borang analisis keperluan adalah jenis soal selidik yang dibuat untuk mengetahui adakah mereka memerlukan produk Beesy Kelulut Website ini dan apakah kelebihan yang diperolehi setelah mereka menggunakan produk Beesy Kelulut Website ini. Dengan mendapati bahawa website dapat merekod hasil jualan , merekod stok barang dan maklumbalas pelanggan. Hal ini kerana website ini digunakan untuk meningkatkan hasil jualan dalam perniagaan. Secara konklusinya, kami dapat mengetahui bahawa website amatlah penting dalam mempromosikan produk kerana dapat memudahkan pelanggan untuk membeli secara online. Jadi melalui projek ini kami telah bekerjasama menggabungkan idea-idea yang kreatif dengan mencipta website yang dipanggil sebagai Beesy Kelulut Website.

## SENARAI KANDUNGAN

|   | Muka Surat |
|---|------------|
| PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR         |            |
| PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR         |            |
| PENGHARGAAN                             | 3          |
| ABSTRAK                                 | 4          |
| <b>BAB 1 : PENGENALAN</b>               |            |
| 1.1 Pendahuluan                         | 7          |
| 1.2 Latar belakang kajian               | 7 - 8      |
| 1.3 Kaedah analisis data                | 9          |
| 1.4 Pernyataan masalah                  | 10         |
| 1.5 Objektif kajian                     | 10 - 11    |
| 1.6 Justifikasi kajian                  | 11         |
| 1.7 Skop kajian                         | 11 - 12    |
| 1.8 Kepentingan projek                  | 12         |
| 1.9 Rumusan                             | 12         |
| <b>BAB 2 : KAJIAN LAPANGAN</b>          |            |
| 2.1 Pendahuluan                         | 13         |
| 2.2 Kajian lepas                        | 13 - 17    |
| 2.3 Rumusan                             | 17         |
| <b>BAB 3 : METODOLOGI / REKA BENTUK</b> |            |
| 3.1 Pendahuluan                         | 18         |
| 3.2 Reka Bentuk Projek                  | 18 - 30    |
| 3.3 Impak Projek                        | 30-31      |
| 3.4 Rumusan                             | 32         |

## **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

|                              |       |
|------------------------------|-------|
| 4.1 Pendahuluan              | 33    |
| 4.2 Dapatan kajian/pengujian | 34    |
| 4.2.1 Objektif pertama       | 34-35 |
| 4.2.2 Objektif kedua         | 35-36 |
| 4.2.3 Objektif ketiga        | 37    |
| 4.3 Perbincangan             | 37    |
| 4.3.1 Kelebihan              | 39    |
| 4.3.2 Kekurangan             | 40    |
| 4.3.3 Masalah                | 41    |
| 4.4 Kos yang terlibat        | 41    |
| 4.5 Rumusan                  | 41    |

## **BAB 5 : KESIMPULAN**

|                     |    |
|---------------------|----|
| 5.1 Pendahuluan     | 42 |
| 5.2 Kesimpulan      | 42 |
| 5.3 Cadangan        | 42 |
| 5.4 Limitasi projek | 43 |
| 5.5 Rumusan         | 43 |
| <br>                |    |
| Rujukan             | 44 |
| Lampiran            | 45 |

# BAB 1: PENGENALAN


## 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji iaitu latar belakang perniagaan, pernyataan masalah/isu, objektif kajian, justifikasi kajian dan skop kajian. Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di Sungai Impian Indah Enterprise. Perusahaan ini menjalankan perniagaan di kawasan Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Jenis perniagaan adalah milikan tunggal. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada website produk madu kelulut yang dikendalikan oleh mereka iaitu Sungai Impian Indah Enterprise.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian mengenai masalah perusahaan dan mencari penyelesaiannya. Antara masalah yang dihadapi oleh Sungai Impian Indah Enterprise ini adalah masalah merekod jumlah stok, merekod hasil jualan dan maklumbalas pelanggan tersebut. Hal ini bertujuan untuk membantu mereka dengan adanya website dapat memudahkan proses mencatat atau merekod akan lebih terjamin. Perusahaan ini beroperasi sebagai sebuah perusahaan yang mengeluarkan madu kelulut yang berkualiti dalam pasaran. Justeru, perusahaan ini mempunyai masalah yang dapat kami kaji ialah masalah merekod atau mencatat jualan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Nama perniagaan ini adalah SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRISE dan dimiliki oleh Encik Md. Zuhaimi Bin Samat@Halim. Perniagaan ini terletak di Gerai 2 Hutan Pelajaran, Air Hitam Dalam, 13300 Tasek Gelugor , Pulau Pinang.



Perniagaan ini juga berdaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM) dengan nombor pendaftaran PGA401018-M dan ditubuhkan pada tanggal 1 September 2016 dengan bermodalkan RM45,000.00. Seterusnya, terdapat tiga jenis madu yang dihasilkan iaitu Itama, Torasica dan Apicalis. Selain itu, perniagaan ini juga menghasilkan produk lain iaitu mengambil hasil daripada sumber madu kelulut juga untuk dijadikan sabun muka kelulut dan juga losen panas propolis. Bentuk perniagaan ini adalah perusahaan dan jenis perniagaan adalah milikan tunggal. Kegiatan utama perniagaan ini adalah menjual madu kelulut. Madu yang dipasarkan adalah dalam bentuk botol dan terdapat dua jenis botol iaitu madu botol tinggi yang beratnya 330 gm yang berharga RM85 manakala madu botol kecil yang beratnya 110 gm berharga RM30 dan dua jenis produk lainnya iaitu sabun muka kelulut yang beratnya 50 gm yang berharga RM10 begitu juga losen panas propolis yang beratnya 80 gm berharga RM10.



Dibawah ini ialah carta organisasi bagi perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise.





### 1.3 Kaedah Analisis Data

#### a) Analisis Keperluan


Kajian ini dijalankan bagi memastikan sama ada perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise memerlukan produk kami iaitu Beesy Kelulut Website ataupun tidak bagi membantu mereka dalam menyelesaikan masalah mempromosikan jualan. Oleh sedemikian, kami menyediakan satu borang analisis keperluan untuk mengumpulkan semua masalah yang dihadapi oleh pekerja Sungai Impian Indah Enterprise untuk mencipta produk Beesy Kelulut Website dengan ciri-ciri yang diperlukan bagi memenuhi kehendak pengguna.

##### 1.3.1 Borang Analisis Keperluan Pekerja

| <b>Borang Kajian Keperluan Penternak</b>  |  |
|---|--|
| <b>Bahagian A: Maklumat Pekerja</b>   |  |
| Nama:   |  |
| Jantina:  |  |
| Umur :  |  |
| <b>Bahagian B : Latar Belakang Poduk Yang Digunakan Sekarang</b>                                  |  |
| Adakah perniagaan sungai impian indah enterprise mempunyai website sekarang                       |  |
| Adakah anda bersetuju untuk kami mencipta website perniagaan anda bagi mengatasi masalah tersebut |  |
| Apakah masalah yang ada dalam perniagaan sungai impian indah enterprise                           |  |
| Adakah hasil jualan sungai impian indah enterprise meningkat atau menurun                         |  |
| <b>Bahagian C: Penambahbaikan</b>   |  |
| Adakah anda bersetuju untuk kami membuat penambahbaikan dalam perniagaan anda                     |  |

## 1.4 Penyataan Masalah/Isu

Hasil daripada kajian kami, terdapat masalah yang dialami oleh perusahaan berkaitan dengan masalah penjualan, pengiraan stok dan maklumbalas pelanggan. Masalah penjualan bagi perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise ialah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hasil jualan madu kelulut menurun bermula bulan Mac hingga Mei, menaik semula bulan Jun hingga september, menurun semula Oktober hingga November dan menaik semula Disember hingga Februari. Hal ini menyebabkan stok madu kelulut berlebihan. Selain itu, untuk masalah pengiraan stok pula, Perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise mengalami masalah buku pengiraan stok selalu hilang. Hal ini menyebabkan pemilik syarikat sukar mengira hasil jualan tahunan. Bagi masalah maklumbalas pelanggan pula, Perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise jarang mendapat maklumbalas pelanggan kadangkala tidak mendapat langsung maklumbalas pelanggan. Hal ini menyebabkan perniagaan ini sukar membaiki kesilapan yang ada dalam perniagaan.



Dengan itu, kami memberi cadangan untuk mencipta website yang dinamakan Beesy Kelulut Website bagi memudahkan pemilik dengan tujuan mencatat atau merekod hasil jualan, pengiraan stok dan untuk mendapatkan maklumbalas pelanggan. Dengan adanya Beesy Kelulut Website, pemilik dapat mempromosikan produk madu kelulut di pasaran tanpa mengeluarkan kos perbelanjaan yang tinggi. Selain itu, Beesy Kelulut Website ini merupakan satu platform kepada pelanggan bagi memberi maklumbalas terhadap produk yang mereka beli.

## 1.5 Objektif Kajian

Projek ini dijalankan untuk;

1. Mengenalpasti penternak madu kelulut dapat merekod hasil jualan melalui Beesy Kelulut Website.

2. Mengenalpasti penternak kelulut dapat merekod jumlah stok melalui Beesy Kelulut Website.
3. Mengenalpasti penternak kelulut dapat mengetahui maklumbalas pelanggan melalui Beesy Kelulut Website.

### **1.6 Justifikasi Kajian**

Justifikasi kajian ini memilih produk kelulut adalah kerana madu kelulut ini mempunyai khasiat seperti asid fenilpropanoik, vitamin c, mineral, glukose, polyphenol dan sumber lain yang mana penting untuk tubuh badan dengan dapat merawat dan mencegah masalah kesihatan seperti menurunkan kandungan gula dan merawat kencing manis dan penyakit kanser. Madu kelulut dihasilkan oleh lebah yang tidak menyengat. Perlu untuk diketahui bahawa terdapat 80 spesies madu kelulut di Malaysia namun hanya kurang daripada 10 spesies yang boleh menghasilkan madu kerana selebihnya berfungsi sebagai ejen pendebungaan. Secara amnya, hanya dua jenis lebah kelulut yang sering dikomersialkan kerana kualiti madunya yang diyakini iaitu dari spesies *Heterotrigona itama* (disebut itama) dan spesies *Geniotrigona thoracica* (disebut torasika). Rata-rata penternak mengatakan bahawa spesies ini mampu menghasilkan madu serta roti lebah (sarang) yang banyak serta berkualiti.

Menurut sumber : <https://www.doctoroncall.com.my/health-centre/nutrisi/khasiat-madu-kelulut>

Sungai Impian Indah Enterprise yang terletak di Tasek Gelugor, Pulau Pinang dipilih dalam kajian ini kerana terletak di bandar dan mendapat tarikan pelanggan untuk membeli produk madu kelulut yang murah. Selain itu, pemilik iaitu Encik Muhd Zuhaimi dapat berkongsi ilmu penternakan kelulut kepada pelajar sekolah, pelancong dan pengunjung yang datang ke kedai tersebut.

### **1.7 Skop Kajian**

Skop kajian ini memfokuskan hanya kepada faktor-faktor yang dikaji seperti masalah yang dihadapi oleh perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise di Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Masalah perniagaan tersebut adalah merekod hasil jualan, merekod jumlah stok dan mengetahui maklumbalas pelanggan.

Oleh itu, kami membuat temu ramah dengan pemilik dan pekerja untuk mengetahui cara jualan madu kelulut tersebut dengan menyediakan borang soal selidik dan analisis keperluan agar

dapat mengetahui proses keluaran madu kelulut itu. Selain itu, juga untuk promosi madu kelulut mendapat maklumbalas daripada pelanggan bagi meningkatkan hasil jualan di pasaran.

Borang analisis keperluan adalah jenis soal selidik yang dibuat untuk mengetahui adakah mereka memerlukan produk Beesy Kelulut Website ini dan apakah kelebihan yang diperolehi setelah mereka menggunakan produk Beesy Kelulut Website ini. Disebabkan itu, kita dapat mengetahui maklumat data hasil jualan, data stok barang dan data maklumbalas pelanggan dengan adanya website tersebut.

### **1.8 Kepentingan Projek**

Penciptaan produk Beesy Kelulut Website ini dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise iaitu masalah merekod hasil jualan, merekod jumlah stok dan mengetahui maklumbalas pelanggan.

### **1.9 Rumusan**

Perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise menghadapi masalah merekod hasil jualan, pengiraan stok dan maklumbalas pelanggan. Disebabkan itu, kami membuat soal selidik dan temu ramah kepada pemilik dan pekerja untuk mendapat maklumat dengan lebih lanjut bagi membantu perniagaan tersebut dapat dipertingkatkan. Oleh itu, kami mencipta produk Beesy Kelulut Website ini bagi memudahkan pemilik untuk membuat perniagaan.

## **BAB 2: KAJIAN LAPANGAN**

### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini meninjau keperluan pembangunan laman web kepada perniagaan samada pada perniagaan yang baru dimulakan ataupun perniagaan yang telah lama menapak. Pembangunan laman web ini adalah berdasarkan kepada keperluan perniagaan yang dikaji serta keperluan pembeli. Keberkesanan laman web juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

### **2.2 Kajian Lepas**

#### **2.2.1 Mengenalpasti penternak madu kelulut dapat merekod hasil jualan melalui Beesy Kelulut Website.**

Menurut Apin Bin Angang @ Jahira (2021) menyatakan bahawa terdapat beberapa kaedah dan justifikasi telah diselidik dan berpotensi untuk membuat aliran kewangan. Perkara ini untuk mengelakkan dari berlaku lebih produk yang tidak dapat dipasarkan atau produk tidak laku. Hal ini, juga telah difikirkan dapat mencegah daripada menjual di tepi jalan. Bagi meningkatkan hasil jualan ini melibatkan kaedah labeling dan branding yang kemas, menarik dan menyakinkan untuk dipasarkan.

Zhang, Dubinsky dan Tan (2013) menyatakan bahawa blog sebagai alat untuk pemasaran digital yang telah mewujudkan impak peningkatan pendapatan hasil jualan, terutama untuk produk yang mana pelanggan boleh membaca ulasan dan menulis komen mengenai pengalaman peribadi mereka. Tinjauan melalui dalam talian menunjukkan aktiviti perniagaan berjalan dengan baik seperti mana strategi pemasaran yang strategik secara keseluruhan. Perkhidmatan dalam talian menunjukkan pengaruh kepada pengguna lebih tinggi berbanding kaedah komunikasi secara tradisional (Helm, Moller, Mauroner & Conrad, 2013). Justeru, pemboleh ubah pemasaran digital dalam kertas kerja ini akan diukur dengan tiga dimensi iaitu faedah, reputasi dan tujuan penggunaan media digital dalam perniagaan.

Menurut Hamawwa (2018), bantuan dalam bentuk capaian kredit dalam bentuk pinjaman tunai atau barangan/perkhidmatan dalam jumlah yang kecil dapat membantu usahawan kecil menambah baik operasi perniagaan mereka. Di antara sumber bukan kewangan adalah seperti bantuan latihan dan pemberian peralatan sokongan yang diberikan sama ada secara formal atau tidak formal bagi membantu golongan miskin (Hamawwa, 2018). Bantuan ini dapat membantu usahawan menambah pengeluaran dan meningkatkan hasil jualan.

Kebanyakan kajian lepas menggunakan petunjuk seperti perkembangan dan kejayaan perniagaan sebagai petunjuk prestasi perniagaan (Wiklund & Sherperd, 2005). Walau bagaimanapun bagi tujuan kajian ini, agak sukar untuk pengkaji menggunakan petunjuk perkembangan kerana usahawan ini bersaiz mikro sahaja iaitu diusahakan oleh seorang usahawan sahaja dan ada yang dibantu oleh pasangan. Oleh itu, pengukuran tradisional bagi prestasi yang sering digunakan ialah secara subjektif daripada perspektif kewangan yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keuntungan, kos pengoperasian, inventori, perkhidmatan, pasaran dan sumber manusia. Bagi perniagaan ini, matlamat utama adalah hanya untuk mendapatkan keuntungan bagi menyara kehidupan mereka tanpa mempunyai pelbagai matlamat dan objekif. Mereka menggunakan semua sumber yang ada bagi memastikan pengeluaran produk atau perkhidmatan dilaksanakan dengan berkesan. Kajian ini menggunakan pengukuran kewangan dan bukan kewangan seperti peningkatan jualan, keuntungan, tunai, pelanggan dan kepuasan pelanggan sebagai prestasi perniagaan yang diadaptasi daripada Rahah, (2014).

Muhammad Fitri Bin Mohamad Sadiman dan Abdul Razak Hamdan (2017) menyatakan bahawa pengurusan inventori agen adalah perisian mudah alih yang berguna untuk sesebuah perniagaan, di mana peniaga boleh menyimpan rekod hasil jualan dan pembelian pada bila-bila masa dan di mana sahaja . Aplikasi ini menghapuskan kertas kerja, kesilapan manusia, kelewatan manual dan mempercepatkan proses. Aplikasi ini mempunyai keupayaan untuk mengesan jualan dan kewujudan mencipta inventori , di samping memberitahu agen produk sekiranya sudah tiba masa untuk membuat penempahan produk semula dan berapa banyak untuk membeli.

### **2.2.2 Mengenalpasti penternak kelulut dapat merekod jumlah stok melalui Beesy Kelulut Website.**

Menurut Nur Rahimah Binti Mohd Razmi dan Pn. Hazilah Binti Mohd Amin (2018) menyatakan Sistem Pengurusan Stok ialah merupakan satu sistem aplikasi. Pembangunan sistem ini adalah untuk memenuhi kehendak pihak pengurusan syarikat untuk menjalankan proses simpanan maklumat stok dengan cepat dan mudah. Fungsi sistem in merangkumi proses entri maklumat pengambilan stok dari pembekal dan seterusnya menyusun senarai maklumat simpanan stok. Pada masa yang sama, maklumat produk dan pembekal juga

disimpan dalam sistem bertujuan untuk membantu dalam penyimpanan rekod simpanan stok. Pengguna utama sistem ini adalah peniaga atau pengurus.

Menurut Han (2009), penggunaan stok yang tidak diuruskan dengan baik boleh membawa kepada kerugian sesebuah projek kerana 40% daripada jumlah kos keseluruhan projek merangkumi kos daripada stok itu sendiri. Perancangan inventori dalam pengurusan stok merupakan satu elemen yang penting dalam perancangan dan pengawalan keseluruhan projek.

Amalan pengurusan stok adalah penting bagi membantu mengelakkan projek tergendala dan meningkatkan produktiviti kerja. Apabila pekerja tidak mengamalkan pengurusan stok, mereka akan menghadapi kesukaran dalam meneruskan proses kerja. (Hafiz Rusdi, 2009).

Menurut Kasim (2015) menyatakan bahawa stok adalah merupakan stok barangan yang mempunyai nilai. (Ballon, 2004). Sistem pengurusan stok ini bukan sahaja membantu pihak pengurusan untuk menjejaki setiap stok di dalam gudang, juga untuk membuat keputusan yang seajarnya bagi setiap permintaan dan bekalan. Sistem pengurusan stok merupakan suatu sistem kawalan yang digunakan untuk memantau dan menentukan tahap stok, tempoh masa yang perlu ditambah serta jumlah stok yang harus dipesan organisasi.

### **2.2.3 Mengenalpasti penternak kelulut dapat mengetahui maklumbalas pelanggan melalui Beesy Kelulut Website.**

Menurut A. Kahar (2008), kepuasan pelanggan merupakan salah satu istilah perkhidmatan yang bermaksud mengukur sejauh mana sesuatu produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi tersebut memenuhi jangkaan pelanggan iaitu Customer Expectation atau dengan erti kata lain kepuasan pelanggan adalah bahagian yang menunjukkan kehendak, keperluan dan jangkaan pelanggan yang perlu dicapai atau dipenuhi untuk mewujudkan kesetiaan pelanggan terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Menurut Nor Helme Bin Padeli (2015) menyatakan bahawa aduan atau maklumbalas pelanggan merupakan salah satu peluang dalam membantu meningkatkan mutu perkhidmatan dan produk kepada pelanggan dan juga merupakan penghargaan yang tidak ternilai yang diberikan oleh pelanggan. Aduan/ maklum balas membuktikan bahawa adanya kelemahan dan kekuatan di dalam perkhidmatan pelanggan. Kelemahan ini adalah perbezaan di antara apa yang dijanjikan kepada pelanggan (dan apa yang pelanggan harapkan) dan apa yang telah

diberikan kepada mereka. Aduan/ maklum balas dapat dibuat dengan berbagai cara, Dengan adanya teknologi internet, perkhidmatan kepada pelanggan dapat ditingkatkan lagi. Dengan wujudnya laman web (website), aduan pelanggan secara online sehingga pelanggan dapat membuat aduan di mana-mana saja pada bila-bila masa dan maklum balas juga dapat diterima dengan cepat lantas diharapkan dapat memberikan kepuasan terhadap pelanggan.

Menurut Ahmad Baharuddin Abdullah (2004) menyatakan bahawa kepuasan pelanggan adalah penting untuk memastikan produk lebih terjamin bersaing di pasaran dan mencipta kejayaan. Antara kaedah yang digunakan untuk memahami keperluan pelanggan ialah kaedah eksplorasi, Namun maklumat daripada pelanggan ini amat penting untuk peningkatan keupayaan dan prestasi dari aspek reka bentuk produk untuk menyokong produk yang dipasarkan di pasaran. Kaji selidik ini melibatkan kajian kes yang dijalankan untuk melihat maklum balas kepuasan pelanggan terhadap produk tersebut. Produk dipilih kerana popular di kalangan pengguna, harganya berpatutan dan produk mampu dimiliki. Selain itu, untuk melihat maklum balas daripada pelanggan juga dapat untuk menerapkan kaedah reka bentuk produk seperti aspek umum seperti jenis, jenama, harga dan kitar hidup sesuatu produk. Aspek kedua ialah prestasi, di mana prestasi komponen dan bahagian akan dilihat. Aspek ini juga membolehkan penilaian prestasi produk tersebut secara keseluruhan dilakukan. Begitu juga, aspek tambahan di mana pengguna akan diperkenalkan dengan kriteria baru seperti produk atau potensi mengaplikasikannya pada produk tersebut. Pelanggan juga diminta memberi pendapat dan cadangan untuk meningkatkan prestasi dan penampilan produk ini.

Iryny Suzila Ishak (2020) menyatakan kepuasan pelanggan adalah pengukuran tentang bagaimana barangan atau perkhidmatan sesebuah organisasi memenuhi kehendak pelanggan. Biasanya sesebuah organisasi mendapatkan maklumbalas pelanggan melalui sistem aduan dan maklumbalas pelanggan ataupun kajian kepuasan pelanggan. Kebanyakan aktiviti berkaitan barangan dan perkhidmatan akan menerima aduan kerana manusia sering melakukan kesilapan. Namun begitu tindakan baik pulih produk dan perkhidmatan perlu dilakukan agar situasi kembali pulih dan langkah proaktif dapat diambil untuk menyelesaikan masalah. Kajian ini membincangkan pembangunan prototaip sistem pengurusan aduan dan maklumbalas pelanggan berasaskan web dan aplikasi mudah alih. Ia dilakukan agar segala aduan dapat ditangani dengan cekap dan maklumbalas dibincangkan untuk menambahbaik barangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan.



Menurut Mohd Faiz & Lee (2011), kepuasan pelanggan merupakan salah satu istilah perniagaan yang bermaksud mengukur kesetiaan pelanggan terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi kehendak pelanggan. Kepuasan pelanggan merupakan satu ukuran bagaimana barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah institusi perniagaan boleh memenuhi jangkaan keperluan dan kehendak seseorang pelanggan (Siti Zuraini, 2014). Justeru itu, kepuasan pelanggan merupakan satu elemen penting dalam strategi perniagaan pada masa kini.

Menurut Zulkifli (2011), kepuasan pelanggan merupakan satu penilaian subjektif yang melibatkan beberapa faktor iaitu psikologi, emosi dan rohani seseorang individual yang akan menghasilkan penilaian terhadap tahap kepuasan berdasarkan pemerhatian, keyakinan, dan keamatan apabila menggunakan sesuatu perkhidmatan. Perkataan kualiti dan kepuasan pelanggan tidak asing bagi sesebuah institusi terutama yang memberi perkhidmatan kepada pelanggan.

### **2.3 RUMUSAN**

Kesimpulannya, kami yakin bahawa objektif yang kami tetapkan iaitu mengenalpasti penternak madu kelulut dapat merekod hasil jualan melalui Beesy Kelulut Website, mengenalpasti penternak kelulut dapat merekod jumlah stok melalui Beesy Kelulut Website dan mengenalpasti penternak kelulut dapat mengetahui maklumbalas pelanggan melalui Beesy Kelulut Website akan dapat dicapai daripada sokongan jurnal diatas. Jadi, didapati bahawa produk ini mampu membantu memudahkan penternak dalam mempromosikan jualan. .

## **BAB 3: METODOLOGI/REKA BENTUK**

### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang reka bentuk projek, kaedah penghasilan projek, kaedah analisis dan impak produk. Analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan peringkat kedua. Seterusnya, ialah analisis kewangan untuk projek yang menghasilkan iaitu Beesy Kelulut Website. Produk yang dihasilkan kemudian dikaji penggunaannya dengan melakukan analisis berikut.

### **3.2 Reka Bentuk Projek**

#### **3.2.1 Kaedah Penghasilan Projek**

Masalah yang dihadapi oleh perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise telah memberikan idea kepada kami untuk mencipta website yang dinamakan Beesy Kelulut Website. Masalah dalam perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise berlaku di setiap proses merekod atau mencatat hasil jualan, pengiraan stok dan maklumbalas pelanggan. Antara punca masalah yang berlaku sebelum proses ini disebabkan buku hasil jualan yang selalu hilang, pengiraan stok yang tidak teratur dan tiada rekod maklumbalas pelanggan.

Melalui analisis keperluan didapati 100 peratus responden yang bersetuju dengan penciptaan website. Website ini dapat menunjukkan cara untuk merekod atau mencatat maklumat dengan lebih sistematik dan teratur. Disebabkan itu, dapat memudahkan pemilik untuk menggunakan website dengan lebih lancar. Beesy Kelulut Website menyediakan ruang penyimpanan maklumat untuk pemilik merujuk atau mencari data yang telah diproses dalam website. Selain itu, Beesy Kelulut Website mempercepatkan proses bagi merekod segala jualan, stok dan maklumbalas pelanggan.

Penciptaan website ini amat diperlukan oleh pemilik madu kelulut kerana dapat memudahkan untuk merekod atau mencatat hasil jualan, merekod pengiraan stok dan mengetahui maklumbalas pelanggan dengan lebih cepat dan sistematik. Tujuannya juga untuk mengetahui pemilik dan pekerja dapat mencapai hasil jualan madu kelulut yang dipertingkatkan di pasaran. Selain itu, projek ini dapat menjimatkan kos, menjimatkan masa dan tenaga serta pengurusan

merekod atau mencatat akan menjadi lebih teratur dan kemas. Oleh itu, penciptaan website ini merupakan satu alternatif kepada arah penambahbaikan bagi membuat promosi jualan di pasaran yang lebih cekap. Kebolegunaan berperanan untuk membantu meningkatkan hasil jualan dalam pemasaran.


Carta alir projek Beesy Kelulut Website seperti dibawah

**Membentuk Carta Alir Projek Inovasi Beesy Kelulut Website**

|  |   |
|--|---|
| Langkah 1 : Perbincangan   | Perbincangan projek bersama ahli kumpulan dan penyelia Dr Nor Hatizal Bt Amarul Shah.   |
| Langkah 2 : Tinjauan analisis keperluan                                | Satu tinjauan analisis keperluan terhadap Beesy Kelulut Website telah dijalankan ke atas golongan sasaran di Sungai Impian Indah Enterprise pada hujung bulan Oktober 2021                    |
| Langkah 3: Pembangunan rangka tindak Beesy Kelulut Website             | Pembangunan rangka tindak telah dimulakan pada bulan Oktober 2021   |
| Langkah 4: Pembangunan prototaip, model & antara Beesy Kelulut Website | Pembangunan prototaip, model dan antara muka sistem dimulakan pada bulan November 2021  |
| Langkah 5: Prototaip Beesy Kelulut Website                             | Prototaip pertama Beesy Kelulut Website telah berjaya disiapkan pada bulan Desember 2021  |
| Langkah 6: Ujilari sistem 1 Beesy Kelulut Website                      | Ujilari prototaip Beesy Kelulut Website telah dijalankan oleh ahli kumpulan bagi tujuan menguji kesesuaian website dengan sasaran pengguna Beesy Kelulut Website.                             |
| Langkah 7: Tinjauan kebolegunaan Beesy Kelulut Website                 | Ahli kumpulan telah mempersembahkan Beesy Kelulut Website dan membuat tinjauan kebolegunaan Beesy Kelulut Website kepada pengguna sasaran di Sungai Impian Indah Enterprise pada Januari 2021 |





|                    |  |
|--------------------|--|
| Langkah 8: Analisa | Dapatan tinjauan kebolegunaan telah mendapat 100% response positif daripada penguji cuba bersama dengan cadangan penambahbaikan di masa akan datang. |
|--------------------|--|




**Perbincangan Tajuk Kajian Ahli Kumpulan Bersama Penyelia**



Perbincangan projek bersama ahli kumpulan dan penyelia Dr Nor Hatizal Bt Amarul Shah.

## Tinjauan Analisis Keperluan

| <p>Soalan 1</p>                      | <p>NAMA</p> <p>3 responses</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Md Zuhaimi bin Samad@Halim</li> <li>Muhammad Aniq Haziq</li> <li>Azleena binti Hasan</li> </ul>   |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
|--------------------------------------|---|------------|------------|------------|--------------------------------|-----------|-------|--------------------------------------|----|-------|--------------------|---|----|--------------|---|------|
| <p>Soalan 2</p>                      | <p>JANTINA</p> <p>3 responses</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jantina</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>LELAKI</td> <td>66.7%</td> </tr> <tr> <td>PEREMPUAN</td> <td>33.3%</td> </tr> </tbody> </table>   | Jantina    | Persentase | LELAKI     | 66.7%                          | PEREMPUAN | 33.3% |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| Jantina                              | Persentase  |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| LELAKI                               | 66.7%   |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| PEREMPUAN                            | 33.3%   |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| <p>Soalan 3</p>                      | <p>UMUR</p> <p>3 responses</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>20-25</td> <td>33.3%</td> </tr> <tr> <td>26-30</td> <td>0%</td> </tr> <tr> <td>31-35</td> <td>0%</td> </tr> <tr> <td>36-40</td> <td>66.7%</td> </tr> </tbody> </table>  | Umur       | Persentase | 20-25      | 33.3%                          | 26-30     | 0%    | 31-35                                | 0% | 36-40 | 66.7%              |   |    |              |   |      |
| Umur                                 | Persentase  |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| 20-25                                | 33.3%   |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| 26-30                                | 0%  |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| 31-35                                | 0%  |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| 36-40                                | 66.7%   |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| <p>Soalan 4</p>                      | <p>ADAKAH PERNIAGAAN SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRISE MEMPUYAI WEBSITE SEKARANG?</p> <p>3 responses</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jawapan</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>ADA</td> <td>0%</td> </tr> <tr> <td>TIDAK</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table>  | Jawapan    | Persentase | ADA        | 0%                             | TIDAK     | 100%  |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| Jawapan                              | Persentase  |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| ADA                                  | 0%  |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| TIDAK                                | 100%  |            |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| <p>Soalan 5</p>                      | <p>APAKAH MASALAH YANG ADA DALAM PERNIAGAAN SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRISE?</p> <p>3 responses</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Masalah</th> <th>Jumlah</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>BUKU REKOD HASIL JUALAN HILANG</td> <td>0</td> <td>0%</td> </tr> <tr> <td>TIDAK MENDAPAT MAKLUMBALAS PELANGGAN</td> <td>0</td> <td>0%</td> </tr> <tr> <td>SUKAR MENGIRA STOK</td> <td>0</td> <td>0%</td> </tr> <tr> <td>SEMUA DIATAS</td> <td>3</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> | Masalah    | Jumlah     | Persentase | BUKU REKOD HASIL JUALAN HILANG | 0         | 0%    | TIDAK MENDAPAT MAKLUMBALAS PELANGGAN | 0  | 0%    | SUKAR MENGIRA STOK | 0 | 0% | SEMUA DIATAS | 3 | 100% |
| Masalah                              | Jumlah  | Persentase |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| BUKU REKOD HASIL JUALAN HILANG       | 0   | 0%         |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| TIDAK MENDAPAT MAKLUMBALAS PELANGGAN | 0   | 0%         |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| SUKAR MENGIRA STOK                   | 0   | 0%         |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |
| SEMUA DIATAS                         | 3   | 100%       |            |            |                                |           |       |                                      |    |       |                    |   |    |              |   |      |


|          |   |
|----------|---|
| Soalan 6 | <p>ADAKAH ANDA BERSETUJU UNTUK KAMI MENCIPTA WEBSITE PERNIAGAAN ANDA BAGI MENGATASI MASALAH TERSEBUT?</p> <p>3 responses</p>  <p>Legend: ● SETUJU (blue), ● TIDAK (red)</p> |
| Soalan 7 | <p>ADAKAH HASIL JUALAN SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRISE MENINGKAT ATAU MENURUN?</p> <p>3 responses</p>  <p>Legend: ● MENINGKAT (blue), ● MENURUN (red)</p>                    |
| Soalan 8 | <p>ADAKAH ANDA BERSETUJU UNTUK KAMI MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN DALAM PERNIAGAAN ANDA?</p> <p>3 responses</p>  <p>Legend: ● SETUJU (blue), ● TIDAK (red)</p>                     |

### Pembangunan Rangka Tindak Beesy Kelulut Website


| PELAJAR   |  | PEMILIK PERNIAGAAN  |
|---|--|---|
| <p>Setelah diserahkan Laman web akan menghantar pemberitahuan kepada pemilik</p> <p>Semakan dan cetak</p> | <p>Isi borang, muat naik sokongan dokumen dan serahkan.</p> <p>Terima, semak dan serahkan semula</p> | <p>Menyemak penyerahan</p>  |

# Pembangunan Prototaip, Model Dan Antara Beesy Kelulut Website Blueprint


## Langkah 1




## Langkah 2



### Langkah 3




### Langkah 4







## Prototaip Beesy Kelulut Website




## Ujilari Sistem 1 Beesy Kelulut Website



## UJILARI SISTEM PENGURUS BESAR BEESY KELULUT WEBSITE




## UJILARI SISTEM PENOLONG PENGURUS



## UJILARI SISTEM PEKERJA SAMBILAN

### Analisis Kebolehgunaan Dan Capaian Beesy Kelulut Website



### 3.2.3 Kaedah Analisis Data

Kajian ini akan dijalankan dengan mengedarkan soal kaji selidik melalui kaedah Google Form kepada Encik Md. Zuhaimi Bin Samat@Halim yang terlibat dengan penggunaan produk Madu Kelulut Website semasa proses penciptaan website. Kaji selidik ini berlansung selama seminggu dengan mengedarkan soal kaji selidik yang sama iaitu perlu diisi oleh pemilik dan pekerja. Statistik data daripada soal kaji selidik akan dikumpul dan disenaraikan di jadual (rujukan di bawah) yang disediakan mengikut hari/minggu. Kajian ini akan membantu untuk membuat kesimpulan tentang kekerapan penggunaan Website Madu Kelulut.

- a) **Analisis keperluan** - Kami mendapati kesemua responden bersetuju untuk kami mewujudkan Beesy Kelulut Website ini bagi menyelesaikan masalah mereka dari segi buku rekod hasil jualan selalu hilang, tidak mendapat maklumbalas pelanggan dan sukar mengira stok. Maka kami wujudkan satu platform iaitu Google Form untuk mengetahui sama ada mereka bersetuju ataupun tidak.

### Analisis Keperluan Beesy Kelulut Website

| NAMA           | ADAKAH PERNIAGAA N SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRISE MEMPUNYA I WEBSITE SEKARANG? | ADAKAH ANDA BERSETUJU UNTUK KAMI MENCIPTA WEBSITE PERNIAGAA N ANDA BAGI MENGATASI MASALAH TERSEBUT? | APAKAH MASALAH YANG ADA DALAM PERNIAGAAN SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRISE? | ADAKAH HASIL JUALAN SUNGAI IMPIAN INDAH ENTERPRIS E MENINGKAT ATAU MENURUN? | ADAKAH ANDA BERSETUJU UNTUK KAMI MEMBUAT PENAMBAHBAIK AN DALAM PERNIAGAAN ANDA? |
|----------------|--|---|--|---|---|
| MD.ZUHAI MI    | TIDAK  | SETUJU  | BUKU REKOD HASIL JUALAN HILANG   | MENURUN   | SETUJU  |
| AZLEENA        | TIDAK  | SETUJU  | TIDAK MENDAPAT MAKLUMBAL AS PELANGGAN                                    | MENINGKAT SEDIKIT   | SETUJU  |
| MUHAMMA D ANIQ | TIDAK  | SETUJU  | SUKAR MENGIRA STOK   | MENURUN   | SETUJU  |

- b) **Analisis kebolehgunaan** – Kami mendapati kesemua responden bersetuju bahawa Beesy Kelulut Website ini boleh digunakan dan membantu pemilik dan pekerja Sungai Impian Indah Enterprise. Mereka juga memberi tindak balas yang positif tentang website ini.

| NAMA          | Adakah produk Beesy Kelulut Website yang di hasilkan membantu pemilik dan pekerja Sungai Impian Indah Enterprise dalam kerja mempromosikan jualan? | Adakah penggunaan Beesy Kelulut Website memberi peningkatan kepada jualan, memudahkan pelanggan untuk membeli produk dan memudahkan pengiraan stok? | Adakah anda berpuas hati dengan ciptaan produk Beesy Kelulut Website? | Adakah produk Beesy Kelulut Website yang dihasilkan mempunyai kekurangan? | Adakah wajar ciptaan produk Beesy Kelulut Website ini digunakan juga oleh pengusaha yang lain? |
|---------------|--|---|---|---|--|
| MD.ZUHAIMI    | YA   | YA  | YA  | TIDAK   | YA   |
| AZLEENA       | YA   | YA  | YA  | TIDAK   | YA   |
| MUHAMMAD ANIQ | YA   | YA  | YA  | TIDAK   | YA   |

c) Kajian ini menggunakan analisis SWOT. SWOT analisis ini dijalankan bagi mengenalpasti tentang kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.

|  |  |
|--|--|
| <p><b>Kekuatan.</b></p> <p>Madu kelulut merupakan pilihan utama.</p> <p>Kewujudan manfaat kesihatan daripada produk membuatkan penggunaberminat untuk membeli.</p> <p>Jenama dan kualiti yang baik mempengaruhi kesetiaanpengguna.</p> | <p><b>Kelemahan.</b></p> <p>Permintaan daripada pengguna biasanya akan berkurangan jika cuaca buruk.</p> <p>Faktor kenaikan harga barang juga boleh mengurangkan permintaan daripada pengguna.</p> <p>Faktor tempat juga sangat mempengaruhi kelancaran perniagaan ini kerana jika tempat itu kurang pengunjung maka permintaan pengguna akan sedikit.</p>   |
| <p><b>Peluang.</b></p> <p>Menukar penggunaan ubat kepada ubat-ubatan semula jadi dan herba termasuk kelulut.</p> <p>Akses pasaran semakin mudah.</p>   | <p><b>Ancaman.</b></p> <p>Jika dilihat daripada jumlah permintaan orang ramai dalam mengambil makanan yang sihat. Persaingan dalam menjalankan perniagaan ini agak banyak. Dan sekiranya perkhidmatan dan kualiti yang kami berikan kepada pengguna tidak memuaskan, Pengguna akan berasa kecewa sehingga perniagaan ini akan diancam muflis. Untuk mengatasi masalah tersebut, dalam menjalankan perniagaan ini, anda hendaklah sentiasa memberikan perkhidmatan dan kualiti produk yang terbaik kepada pengguna. Kualiti produk yang baik dan perkhidmatan yang terbaik adalah keutamaan utama dalam menjalankan perniagaan ini.</p> |

#### d) 4P'S Analisis

**Produk (Product)** – Syarikat Sungai Impian Indah Enterprise menghasilkan dan menjual madu kelulut, madu tersebut terbahagi kepada tiga jenis iaitu Itama, Torasica, dan Apicalis dan mereka juga menghasilkan sabun muka kelulut dan juga losen panas propolis.

*Nilai (Price)* - Harga madu kelulut yang dipasarkan ialah secara berlainan harga iaitu untuk botol yang tinggi dan beratnya 330gm adalah berharga RM 85 manakala madu bersaiz kecil yang beratnya hanyalah 110gm berharga RM 30. Bagi dua jenis produk lainnya iaitu sabun muka kelulut yang beratnya 50gm berharga RM 10, begitu juga untuk losen panas propolis yang beratnya 80gm yang berharga RM 10.

*Promosi (Promotion)* - Syarikat Sungai Impian Indah Enterprise menggunakan Beesy Kelulut Website untuk membantu mereka dalam mempromosikan produk secara dalam talian. Di dalam website ini mempunyai semua tentang produk yang dihasilkan secara terperinci.

*Place (Lokasi)* - Lokasi bagi perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise terletak di Gerai 2 Hutan Pelajaran, Air Hitam Dalam, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Lokasi ini adalah sangat strategik kerana Hutan Pelajaran ini menjadi tumpuan para pelancong dari dalam dan luar negara.

### **3.3 IMPAK PRODUK**

Inovasi produk Beesy Kelulut Website diperincikan kepada empat (4) bentuk impak dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

#### **a) Impak Produk Terhadap Perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise**

Penghasilan produk ini telah membantu perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise dalam menarik perhatian dan minat pelanggan untuk membeli madu kelulut melalui website yang telah diciptakan. Hal ini kerana, ia dapat membantu pelanggan dalam mengenalpasti produk madu kelulut itu mempunyai harga yang berpatutan dan info yang menarik untuk dibeli.

#### **b) Impak Produk Terhadap Masa**

Penggunaan Beesy Kelulut Website telah banyak membantu pekerja perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise ke arah penjimatan masa dari segi pemasaran di pasaran. Sebelum ini pekerja tersebut menghasilkan lebih banyak masa untuk merekod atau mencatat hasil jualan, merekod pengiraan stok dan maklumbalas pelanggan.

#### **c) Impak Produk Terhadap Tenaga**

Penggunaan produk Beesy Kelulut Website telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja dari segi pengurusan berbanding dengan keadaan sebelum ini yang menyebabkan kerja ini tidak tersusun kemas dan tidak sistematik. Hal ini kerana dengan adanya Beesy Kelulut

Website ini dapat mengurangi beban pekerja untuk mencatat dan merekod hasil jualan , merekod pengiraan stok dan maklumbalas pelanggan .

### **3.4 Rumusan**

Kesimpulannya, pada bab ini lebih menfokuskan kos-kos yang terlibat dalam penghasilan produk kami iaitu Beesy Kelulut Website. Selain itu, pada bab ini juga, kami berjaya meghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan produk ini diterima oleh para pengguna. Akhir sekali, terdapat empat item yang perlu dianalisis dengan tepat untuk mengetahui produk Beesy Kelulut Website ini memberi kesan atau impak terhadap pemilik dan pekerja Sungai Impian Indah Enterprise.

## BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


### 4.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian iaitu menerangkan tentang pencapaian objektif kajian, kelebihan produk, kekurangan produk dan masalah dalam penghasilan produk . Uji kaji yang dijalankan melibatkan pencapaian objektif kajian satu, dua dan tiga . Seterusnya, ialah analisis kewangan untuk projek iaitu kos yang terlibat untuk membangunkan produk ini.

### 4.2 Dapatan Kajian/Pengujian


Produk Beesy Kelulut Website yang telah kami sediakan ini memudahkan pemilik Sungai Impian Indah Enterprise untuk merekod hasil jualan, merekod pengiraan stok dan dapat mengetahui maklum balas pelanggan. Dengan adanya produk ini, pemilik tidak perlu lagi bimbang tentang data maklumat yang selalu hilang kerana jika tiada website tersebut pemilik akan mengalami masalah dalam perniagaan seperti tiada penyimpanan data maklumat.

4.2.1 Pencapaian objektif kajian pertama mengenalpasti penternak madu kelulut dapat merekod hasil jualan melalui Beesy Kelulut Website.






Gambar diatas menunjukkan bahwa Beesy Kelulut Website perlu di log masuk terlebih dahulu dengan menggunakan email dan kata laluan.




Gambar diatas menunjukkan dimana untuk melihat rekod jualan perlulah menekan statistik (bulatan berwarna merah).




Gambar diatas menunjukkan rekod hasil jualan ( anak panah berwarna merah). Setelah pengusahaan menggunakan Penggunaan Beesy Kelulut Website ini, ia berkesan untuk merekod hasil jualan.


4.2.2 Pencapaian objektif kajian kedua mengenalpasti penternak madu kelulut dapat merekod hasil jumlah stok melalui Beesy Kelulut Website.



Gambar diatas menunjukkan bahawa Beesy Kelulut Website perlu di log masuk terlebih dahulu dengan menggunakan email dan kata laluan.




Gambar diatas menunjukkan dimana untuk melihat rekod hasil jumlah stok perlulah menekan statistik (bulatan berwarna merah)




Gambar diatas menunjukkan rekod hasil jumlah stok( anak panah berwarna merah). Setelah perusahaan menggunakan Beesy Kelulut Website ini, ia berjaya merekod hasil jumlah stok perniagaan Sungai Indah Enterprise.


4.2.3 Pencapaian objektif kajian ketiga mengenalpasti penternak madu kelulut dapat mengetahui maklumbalas pelanggan melalui Beesy Kelulut Website.



Gambar diatas menunjukkan bahawa Beesy Kelulut Website perlu di log masuk terlebih dahulu dengan menggunakan email dan kata laluan.



Gambar diatas menunjukkan dimana untuk melihat maklumbalas pelanggan perlulah menekan forms (bulatan berwarna merah).



Gambar diatas menunjukkan maklumbalas pelanggan. Setelah menggunakan Beesy Kelulut Website ini. Maklumbalas pelanggan dapat dikenalpasti untuk memperbaiki kekurangan yang ada di Sungai Impian Indah Enterprise.

#### **4.3 Perbincangan (kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk)**

Hasil dapatan daripada perbincangan, kami telah mencipta Beesy Kelulut Website yang akan memudahkan pemilik dalam mempromosikan madu kelulut di pasaran dengan lebih meluas. Dengan penciptaan Beesy Kelulut Website yang mempunyai struktur yang sistematik dan teratur, tiada lagi masalah merekod atau mencatat hasil jualan, merekod pengiraan stok dan mengetahui maklumbalas pelanggan yang mengakibatkan perniagaan tidak berkembang dengan lancar.

#### **4.3.1 Perbincangan kelebihan yang dihadapi ketika membangunkan produk**

Kelebihan website ini memberikan informasi lengkap kerana pentingnya website ini sebagai media pemasaran. Website ini juga dapat memberikan informasi penuh tentang produk yang ditawarkan. Dengan memiliki website, pelanggan akan dapat mengakses website tersebut dan dapat menghubungi perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise agar dapat mengenal lebih jauh tentang produk madu kelulut.

Seterusnya, memberikan gambaran baik kepada pelanggan seperti ketika berkunjung ke website tersebut, pelanggan akan melihat gambaran tentang perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise. Dengan adanya isi kandungan Beesy Kelulut Website yang menarik, maka akan menarik minat pelanggan yang lebih banyak untuk membeli produk madu kelulut. Jadi untuk penerangan produk juga mestilah penting untuk membuat website yang baik. Walaupun media lain juga memberikan gambaran, namun website yang memiliki kelebihan dalam hal kandungan(content) boleh mendapat peluang pelanggan yang lebih ramai.

Oleh itu, menambah popularitas di google kerana sekarang ini penggunaan google memang sudah berkembang dengan sangat pesat dan hampir semua orang menggunakannya untuk mencari berbagai informasi yang diperlukan. Apabila Beesy Kelulut Website menjadi salah satu website di google, maka akan ada banyak orang yang tertarik untuk mengunjungi dan berbelanja di website tersebut. Jadi untuk pemasaran website sangat penting karena menambah popularitas perniagaan pemilik Sungai Impian Indah Enterprise di google.

#### **4.3.2 Perbincangan kekurangan yang dihadapi ketika membangunkan produk**

Antara kekurangan Beesy Kelulut Website ialah ciri yang terhad. Pembinaan laman web secara percuma hanya menyediakan ciri yang agak sedikit berbanding dengan berbayar. Kami tidak dapat menyediakan ciri secara sepenuhnya, jika mahu menggunakan perlu membayar dengan jumlah yang ditetapkan. Ia sudah tentu akan mengganggu perkembangan perniagaan ini. Dan haruslah menukar perkhidmatan kepada pelan berbayar secara tahunan.

Seterusnya ialah halaman yang terhad. Melainkan kami bertukar kepada perkhidmatan berbayar, pembangunan tapak web percuma ini mempunyai had pada bilangan halaman untuk disiarkan di tapak web ini. Sedikit kandungan akan mempengaruhi tahap perkaitan laman web. Ini akan menyebabkan keterlihatan berkurangan dalam enjin carian (SERP). Kebanyakan pelanggan ingin melawati tapak web yang sentiasa mengemas kini kandungannya.

Selain itu, masa pemuatan yang perlahan. Selain laman web yang boleh dipertikaikan kredibilitinya, iaitu kelajuan masa memuatkan. Kami pastinya mahukan laman web yang pantas. Walaupun tapak web yang dibina dengan pembangun laman web percuma mempunyai masa pemuatan yang sangat perlahan jika dibandingkan dengan platform tapak web berbayar. Tapi kami tetap menggunakannya juga kerana tidak mempunyai dana yang cukup untuk membayar.

### **4.3.3 Perbincangan masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk**

Masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk Beesy Kelulut Website adalah masalah internet kerana mencipta website ini memerlukan data yang sangat kuat dan terhad. Jika tiadanya internet pemilik tidak dapat mengakses data maklumat dengan baik disebabkan internet yang kurang memuaskan. Selain itu, website ini memerlukan internet yang sangat baik di kawasan yang mempunyai kadar liputan internet yang tinggi agar dapat memudahkan pemilik dan pekerja melaksanakan kerja dengan lebih cepat.

Selain itu, penciptaan website ini dikenakan bayaran untuk mencipta kerana jika website ini tidak dapat membayar ianya tidak dapat diproses dengan baik. Oleh itu, pemilik Sungai Impian Indah Enterprise perlu membuat pembayaran website sebanyak RM50 untuk setahun agar website ini dapat dijalankan dengan mudah. Pembayaran ini diperlukan kerana untuk mengkseskan tetapan website seperti melihat maklumbalas pelanggan.

Seterusnya, masalah website ini adalah menaik taraf setiap tahun dan ianya menyebabkan mengambil masa yang lama untuk menunggu website itu dimuat naik taraf. Hal ini, pemilik Sungai Impian Indah Enterprise perlu memuat naik taraf setiap tahun website Beesy Kelulut Website. Tetapan untuk membuat website ini juga sukar untuk dilakukan kerana sekiranya tersilap langkah, ia boleh menyebabkan data di dalam website akan hilang.

### **4.4 Kos yang terlibat**

Penciptaan Beesy Kelulut Website ini hanya melibatkan RM50 setahun sahaja untuk memenuhi objektif kajian projek dan ianya mengambil masa seminggu untuk menghasilkan website.

### **4.5 Rumusan**

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan sama ada produk Beesy kelulut Website ini membantu ataupun tidak untuk Sungai Impian Indah Enterprise. Kita juga dapat ketahui tentang kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk Beesy Kelulut Website ini. Dari sudut yang lain di dalam bab ini juga kita dapat tahu berapakah jumlah yang terlibat untuk mencipta sesuatu Website sama ada murah ataupun mahal.



## **BAB 5: KESIMPULAN**

### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian penciptaan website yang dinamakan Beesy Kelulut Website yang telah dihasilkan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT(kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang) , 4P dan analisis keberkesanan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan produk Beesy Kelulut Website.

### **5.2 Kesimpulan**

Beesy Kelulut Website ini turut mempunyai kelemahan iaitu dari segi penciptaan. Hal ini kerana ia mengambil masa yang lama untuk dihasilkan. Produk Beesy Kelulut Website ini dicipta untuk membantu memudahkan aktiviti mempromosikan madu kelulut di pasaran dapat diperluaskan dan dapat menyelesaikan masalah merekod atau mencatat di perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise. Produk Beesy Kelulut Website ini dicipta dengan menggunakan internet untuk menghasilkan website tersebut. Kelebihan yang terdapat pada produk ini ialah maklumat atau data akan dapat disimpan dengan baik. Jadi ianya dapat membantu pemilik dan pekerja Sungai Impian Indah Enterprise dari segi merekod hasil jualan, merekod pengiraan stok dan dapat mengetahui maklumbalas pelanggan. Produk ini telah dicuba oleh pemilik dan pekerja di perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise untuk mempromosikan jualan di pasaran. Selain itu, produk ini mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan dapat membantu memudahkan kerja semua golongan yang terlibat untuk mengurus perniagaan.

### **5.3 Cadangan**

Produk ini mempunyai banyak kelebihan dan berkesan membantu perniagaan dalam proses mempromosikan perniagaan dengan harga yang berpatutan dan mampu dimiliki. Antara kelemahan yang perlu diatasi adalah membina Beesy Kelulut Website ini mengambil masa seminggu untuk dihasilkan. Perkara ini dapat diatasi dengan menambahkan bilangan ahli untuk membantu untuk menghasilkan Beesy Kelulut Website.hal ini kerana masa kini jumlah ahli terlibat menghasilkan Beesy Kelulut Website ini adalah sedikit.

#### **5.4 Limitasi Projek**

Dalam pelaksanaan projek ini, terdapat kekangan yang dihadapi oleh pengkaji. Antaranya ialah pengkaji masing masing berada berjauhan antara satu sama lain, ini boleh menyebabkan tempoh masa untuk melaksanakan projek ini menjadi sangat panjang. Pengkaji sukar untuk membuat temujanji bersama pihak Sungai Impian Indah Enterprise kerana tiada masa lapang. Yang keduanya pula ialah had pergerakan yang ditetapkan oleh kerajaan, hal ini kerana Perintah Kawalan Pergerakan iaitu PKP yang sering dilaksanakan secara mengejut mengakibatkan para pengkaji tidak dapat berkumpul bersama-sama bagi menyiapkan projek Beesy Kelulut Website ini. Akhir sekali, ada para pengkaji juga mempunyai masalah internet dan sukar untuk berhubung secara berjauhan.

#### **5.5 Rumusan**

Secara dasarnya kajian ini telah dijalankan ke atas perusahaan dan pelanggan Sungai Impian Indah Enterprise, telah mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti penternak madu kelulut dapat merekod hasil jualan melalui Beesy Kelulut Website, mengenalpasti penternak kelulut dapat merekod jumlah stok melalui Beesy Kelulut Website dan mengenalpasti penternak kelulut dapat mengetahui maklumbalas pelanggan melalui Beesy Kelulut Website. Selain itu, Beesy Kelulut Website telah digunakan oleh perusahaan untuk memudahkan pelanggan dan mempromosikan produk Sungai Impian Indah Enterprise.

## Rujukan

1. Buku log hasil jualan tahunan dari perniagaan Sungai Impian Indah Enterprise.
2. Temu ramah pemilik Sungai Impian Indah Enterprise tentang produk madu kelulut.
3. <https://www.scribd.com/document/381220883/Kertas-Kerja-Kelulut-2> apin bin angang @ jahira (2021) m/s 8
4. <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-49/49-5.pdf>
5. <https://core.ac.uk/download/11784147.pdf> ahmad baharuddin abdullah (2004) m/s 2
6. [http://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/mbpj\\_kajian\\_kepuasan\\_pelanggan\\_plus\\_maklumbalas\\_penambahbaikan\\_2019.pdf](http://www.mbpj.gov.my/sites/default/files/mbpj_kajian_kepuasan_pelanggan_plus_maklumbalas_penambahbaikan_2019.pdf) A. Kahar (2008) m/s 2
7. [https://www.researchgate.net/publication/345827823\\_Pengaruh\\_Pemasaran\\_Digital\\_terdhadap\\_Prestasi\\_Usahawan\\_Perusahaan\\_Kecil\\_dan\\_Sederhana](https://www.researchgate.net/publication/345827823_Pengaruh_Pemasaran_Digital_terdhadap_Prestasi_Usahawan_Perusahaan_Kecil_dan_Sederhana) Zhang, Dubinsky dan Tan (2013) m/s 141-142
8. [https://www.academia.edu/34651156/KEPENTINGAN\\_PERKHIDMATAN\\_PELANGGAN](https://www.academia.edu/34651156/KEPENTINGAN_PERKHIDMATAN_PELANGGAN) nor helme bin padeli (2015) m/s 1
9. [https://www.researchgate.net/publication/346784285\\_SISTEM\\_PENGURUSAN\\_ADUAN\\_DAN\\_MAKLUMBALAS\\_BERASASKAN\\_WEB\\_SERTA\\_APLIKASI\\_MUDAH\\_ALIH\\_UNTUK\\_INSTITUT\\_PENGAJIAN\\_TINGGI\\_KAJIAN\\_KES\\_DI\\_UNISEL](https://www.researchgate.net/publication/346784285_SISTEM_PENGURUSAN_ADUAN_DAN_MAKLUMBALAS_BERASASKAN_WEB_SERTA_APLIKASI_MUDAH_ALIH_UNTUK_INSTITUT_PENGAJIAN_TINGGI_KAJIAN_KES_DI_UNISEL) irny suliza ishak (2020) m/s 1
10. [https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20III/pendidikan%20ekonomi%20global/PENDIDIKAN%20EKONOMI%20GLOBAL\\_2.pdf](https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20III/pendidikan%20ekonomi%20global/PENDIDIKAN%20EKONOMI%20GLOBAL_2.pdf) mohd faiz & lee (2011) m/s 3
11. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/download/588/218>
12. <http://www.ijib.uum.edu.my/jun2020/Vol.%205%20Issue%201%2046-58.pdf> Rahah (2014) m/s 47 & 48
13. <http://www.ftsm.ukm.my/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2017-003.pdf> fitri & razak (2017) m/s 1

# Lampiran: Gantt Chart

|   |   | POLITEKNIK MALAYSIA SEREMBANG PERAK        |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|---|---|--|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|------------------|---|---|
|   |   | DPB 50163 GANTT CHART 1 2021/ 2022 SESSION |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   |   | DATE/WEEK                                  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   |   | CONTENT                                    |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   |   | 01/03-07/03                                | 27/09-01/10 | 04/10-08/10 | 11/10-15/10 | 18/10-22/10 | 25/10-29/10 | 01/11-05/11 | 08/11-12/11 | 15/11-19/11 | 22/11-26/11 | 29/11-03/12 | 06/12-10/12 | 13/12-17/12 | 20/12-24/12 | 27/12-31/12 | 03/01-07/01/2023 |   |   |
|   |   | W1   | W2          | W3          | W4          | W5          | W6          | W7          | W8          | W9          | W10         | W11         | W12         | W13         | W14         |             |                  |   |   |
| <b>1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT</b> |   |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Introduction to types of project which can be implemented in the business field.  | R  |             |             |             |             | P           | M           |             |             |             |             |             |             |             |             | V                | F |   |
|   | Formation of groups   | E  |             |             |             |             | R           | I           |             |             |             |             |             |             |             |             | I                | J |   |
|   | Prepare the supplementary materials   | G  |             |             |             |             | O           | D           |             |             |             |             |             |             |             |             | V                | N |   |
| <b>2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING</b>   |   | I  |             |             |             |             | P           |             |             |             |             |             |             |             |             |             | A                | A |   |
|   | Propose a suitable topic for the project  | S  |             |             |             |             | O           | S           |             |             |             |             |             |             |             |             |                  | L |   |
|   | Produce new innovation for business product/services  | T  |             |             |             |             | S           | E           |             |             |             |             |             |             |             |             | P                |   |   |
|   | Prepare elements of situational analysis  | R  |             |             |             |             | A           | M           |             |             |             |             |             |             |             |             | R                | S |   |
| <b>3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL</b> |   | A  |             |             |             |             | L           | E           |             |             |             |             |             |             |             |             | E                | U |   |
|   | Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project | T  |             |             |             |             | S           |             |             |             |             |             |             |             |             |             | S                | B |   |
|   | Explain the contents of project proposal  | I  |             |             |             |             | T           |             |             |             |             |             |             |             |             |             | A                | M |   |
|   | Construct a Gantt chart (time frame)  | O  |             |             |             |             | E           |             |             |             |             |             |             |             |             |             | N                | I |   |
|   | Apply the writing format  | N  |             |             |             |             | R           |             |             |             |             |             |             |             |             |             | T                | S |   |
| <b>4.0 PROJECT IMPLEMENTATION</b>           |   |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  | A | S |
|   | Accomplish Business Project within the time frame   |  |             |             |             |             | P           | B           |             |             |             |             |             |             |             |             |                  | T | I |
|   | Describe the project over view  | W  |             |             |             |             | R           | R           |             |             |             |             |             |             |             |             |                  | I | O |
|   | Identify problems/ issues of business.  | E  |             |             |             |             | E           | E           |             |             |             |             |             |             |             |             |                  | O | N |
|   | Conduct situational analysis.SWOT/PEST/SC's/Porter 5 Forces analysis or any other methods.  | E  |             |             |             |             | S           | A           |             |             |             |             |             |             |             |             |                  | N |   |
|   | Recognize background and current business situation.  | K  |             |             |             |             | A           | K           |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Conduct data analysis and interpretation.   |  |             |             |             |             | N           |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Write recommendations and suggestions to address the issues.  |  |             |             |             |             | T           |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
| <b>5.0 BUSINESS PROJECT REPORT</b>          |   |  |             |             |             |             | A           |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Identify the requirements to produce a complete report  |  |             |             |             |             | T           |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Prepare a report based on the given business project format   |  |             |             |             |             | I           |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | State the description of the project  |  |             |             |             |             | O           |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | State the findings and results.   |  |             |             |             |             | N           |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Summarise the project results.  |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.   |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Create data visualisation to present the results  |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.   |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | List the references used in producing the report.   |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
| <b>6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION</b>    |   |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.                       |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Demonstrate a capacity to communicate project result  |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Create effective visual aids to enhance presentation  |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Demonstrate effective application of multimedia audio visual aids   |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |
|   | Show the viability of the proposed solutions to address the business issue  |  |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |             |                  |   |   |